

NO. SOALAN: 59

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ZAHIDI ZAINUL ABIDIN
[PADANG BESAR]

TARIKH : 02 APRIL 2018 (ISNIN)

RUJUKAN : 10742

SOALAN :

Datuk Zahidi Bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah permohonan kad pengenalan diri bagi warganegara Malaysia (MyKad Biru) dari tahun 2013 hingga kini dan nyatakan peratusan permohonan dan kelulusan MyKad mengikut bangsa.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dari tahun 2013 hingga 2017, terdapat sebanyak 17,999,056 permohonan Kad Pengenalan (MyKad) dan 3 kaum tertinggi yang telah mengemukakan permohonan adalah 9,739,484 orang Melayu, 4,376,318 orang Cina dan 1,426,825 orang India.